

Sahabat umpama pantulan cermin



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

Pujangga pernah berkata, persahabatan yang tidak jujur umpama meniti buih di lautan. Hampanan buih nan

UB 23.4.2014 B4
memutih, hanya indah di luaran namun melewatinya bererti menuju ke jurang kehancuran. Kata-kata itu mencerminkan betapa sukarnya untuk mencari dan memiliki seorang sahabat yang berada bersama-sama anda ketika susah dan senang. Cuba anda tanya diri sendiri, muhasabah diri adakah anda memiliki seorang sahabat yang sebegitu? Mencari sahabat sejati bukanlah mudah seperti membeli barang keperluan di pasaraya. Ada juga sanggup bersama berkongsi suka dan gembira namun terlebih kurang yang ingin menemani kita meniti duka.

Ada pepatah yang menyatakan 'Teman yang paling baik adalah apabila kamu melihat wajahnya, kamu teringat akan Allah, mendengar kata-katanya seperti menambahkan ilmu agama, melihat gerak-gerinya teringat akan kematian. Insan sebegitu sudah tentu amat sukar dicari kerana pada zaman serba canggih ini persahabatan boleh dicari dan dibina di alam maya sahaja. Persahabatan melalui alam maya itu membuatkan seseorang lupa tentang limitasi dalam berbicara, bergaul malahan berbicara perkara-perkara yang di luar kesopanan. Keadaan berkenaan berlaku kerana ketidakwujudan rasa privacy terhadap maruah diri dan rasa ingin berkongsi dalam semua perkara menghilangkan perasaan malu. Tambahan pula jalinan di alam maya membuat seseorang terfikir tidak ada sesiapa yang mengenali mereka dan berasakan bebas untuk berbuat apa sahaja. Oleh sebab itu, sesiapa yang berjaya mendapat rakan yang paling banyak di alam maya merupakan orang yang paling ramai sahabatnya. Namun begitu timbul persoalan adakah persahabatan yang terjalin dalam situasi alam maya boleh dipercayai kewujudannya? Adakah anda pasti sahabat yang selalu anda berkongsi cerita suka dan duka itu mampu menjaga keaiban cerita anda?

Oleh itu, nilai persahabatan hanya akan mampu dinilai sekiranya mereka berani menegur sekiranya anda melakukan kesalahan dalam keadaan yang berhemah dan menjaga keaiban anda daripada orang lain. Dalam hal ini mereka akan bersungguh-sungguh untuk membantu anda ke jalan yang diredhai Ilahi sekiranya anda berada dalam kekhilafan dan cubaan keimanan.

Menurut Imam Ghazali, persahabatan itu harus dilandaskan dengan jiwa yang bersih. Malah, Rasulullah S.A.W pernah bersabda: "Tidak sempurna iman kamu jika kamu tidak mengasihi kawan kamu lebih daripada kamu mengasihi diri sendiri". Begitulah besarnya pengertian persahabatan dalam Islam yang bersandarkan konsep persaudaraan.

Oleh yang demikian beruntung bagi sesiapa yang memiliki seorang sahabat yang sanggup bersama-sama dalam susah dan senang. Dalam hal ini, sahabat sejati nilainya tiada bandingan. Mereka ibarat berlian yang terbenam di dasar lumpur. Meskipun berbalut kekotoran, gemerlap sinarnya terserlah jua. Sahabat sejati juga menjunjung erti setiakawan, kejujuran dan bertanggungjawab. Sama bergembira di waktu senang, membimbing dan membantu sewaktu anda tergelincir dari batasan. Meskipun sahabat bukan selalu berada dekat dan boleh dibawa bersembang dan sebagainya namun kehadiran dalam hidup amat membawa erti. Justeru itu ada pepatah mengatakan sahabat adalah cerminan keperibadian anda. Sesiapa yang suka bersahabat dengan orang yang suka mengata orang maka sudah tentu dirinya juga terkena tempias, begitu juga sekiranya berkawan dengan orang yang suka berkawan dengan rakan di alam maya maka kehadiran anda di hadapannya tidak memberi sebarang makna sebaliknya untuk berbicara lebih mudah menggunakan jejari berbanding akal, mulut dan suara. Maka sudah tentu apabila berbicara tanpa akal pelbagai masalah akan timbul dalam kehidupan mereka. Jadi pilihlah yang mana satu untuk dijadikan sahabat.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi Hep Universiti Malaysia Sabah